

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RMT 556 – Pengurusan Projek V

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

*Answer FOUR questions only*

1. (a) "Usahasama di dalam bidang pembinaan merupakan suatu fenomena yang kian bertumbuh".  
(b) Bincangkan ungkapan di atas serta kaitkan terhadap motivasi yang menyebabkan penubuhan sesuatu usahasama, ciri-ciri usahasama yang berkesan dan dengan panduan lakaran-lakaran, suatu rangkakerja untuk analisis usaha-sama dan kaitan pihak klien, halatuju usahasama serta pengurusan projek-projek berusahasama.
- (b) Nyatakan dengan jelas isu-isu yang bersabit dengan "borderlers project management" jika dibandingkan dengan pengurusan projek tradisional.
- (a) *"Joint-ventures in construction is a growing phenomena".*  
*Discuss the above and relate to the motivations for joint-venture formation, the elements of an effective joint-venture and with the aid of illustrations the framework for joint-venture analysis as well as the relationship of client and the directions of joint-venture and management of projects.*
- (b) *Highlight the issues of "borderless project management" compared to its "traditional" counterpart.*

( 25 MARKAH )

2. (a) Bincangkan tentang peranan seorang Pengurus Projek di dalam penyediaan dan pembangunan sesuatu "brief" projek serta nyatakan dengan jelas mustahaknya sesuatu "brief" yang mantap dan baik.
- (b) Bincangkan tentang ciri-ciri "brief" projek yang baik serta nyatakan perbezaan di antara "brief" projek dan "brief" rekabentuk.
- (a) *Discuss the role of the Project Manager in the preparation and development of a project brief and clearly highlight the importance of a good brief.*
- (b) *Discuss the attributes of a good brief and the differences between a 'project' brief and a 'design' brief.*

( 25 MARKAH )

3. (a) Bincangkan tentang kemahiran serta ciri-ciri kepimpinan yang harus ada pada seorang Pengurus Projek di dalam membentuk suatu pasukan yang efektif, serta nyatakan dengan jelas ciri-ciri yang harus ada untuk suatu pasukan yang seimbang ("balanced team").
- (b) "Pengurus Projek abad ke-21 harus pertimbangkan secara aktif dimensi hak asasi manusia di dalam agenda korporat mereka".  
Bincangkan.
- (a) *Discuss the skills and leadership attributes a Project Manager should possess in building an effective team, and highlight the characteristics of a balanced team.*
- (b) *"The Project Manager of the 21<sup>st</sup> Century must actively consider the dimension of human rights in their business agenda".*

*Discuss.*

( 25 MARKAH )

( 25 MARKAH )

4. (a) Gariskan suatu prosedur untuk satu Sistem Penilaian Tender yang objektif dan nyatakan dengan jelas kelebihan-kelebihan sistem tersebut.
- (b) Bincangkan bagaimana seorang Pengurus Projek dapat memberi sumbangan di dalam pendekatan berfungsi untuk sistem-sistem pemerolehan.
- (c) Bincangkan tentang matlamat tender dari sudut pihak klien dan dari sudut pihak kontraktor.
- (a) *Outline a procedure for an objective Tender Evaluation System and highlight the advantages of such a system.*
- (b) *Discuss how the Project Manager may be able to contribute towards a functional approach of procurement systems.*
- (c) *Explain the objectives of a 'tender' from the point of view of the client and contractor.*

( 25 MARKAH )

5. (a) "Peranan seorang Pengurus Projek yang berkesan tertakluk kepada keupayaannya untuk mengurus sejumlah maklumat yang besar yang berkait dengan sesuatu projek pembinaan".
- Bincangkan ungkapan di atas dengan tumpuan terhadap pengurusan maklumat di dalam projek pembinaan.
- (b) Bincangkan dengan ringkas, bagaimana konsep "Just-In-Time" (JIT) boleh memberi kesan yang positif untuk industri binaan.
- (a) *"The role of the effective Project Manager hinges on his ability to manage the vast amount of information related to a construction project".*
- Discuss the excerpt above with particular emphasis on information management of construction projects.*
- (b) *Discuss briefly the concept of "Just-In-Time" (JIT) and how it may positively contribute to the construction industry.*

( 25 MARKAH )

6. (a) Bincangkan tentang peranan seorang Pengurus Projek di dalam konteks Pengurusan Kualiti untuk suatu projek pembangunan hotel bernilai RM100 juta, jelaskan tentang isu-isu utama yang memberi sumbangan terhadap suatu program Quality Assurance yang berkesan.
- (b) Bincangkan dengan ringkas, bagaimana "robotics" dan "automation" boleh mempertingkatkan lagi kualiti serta produktiviti di tapak binaan.

(a) *Discuss the role of the Project Manager in the context of Quality Management for a RM100 million hotel development project; highlight the major issues that would contribute towards an effective Quality Assurance program.*

(b) *Discuss briefly how "robotics" and "automation" may be able to increase quality and productivity in construction sites.*

( 25 MARKAH )

oooOOooo

( 25 MARKAH )